



GARIS PANDUAN CUKAI PENDAPATAN PETROLEUM

1. Pengenalan

- 1.1 Syarikat petroleum huluhan dikenakan cukai pendapatan di bawah Akta Petroleum (Cukai Pendapatan) 1967 (APCP), sementara syarikat petroleum hiliran dikenakan cukai di bawah Akta Cukai Pendapatan 1967 (ACP). Asas taksiran di bawah ACP telah ditukar daripada taksiran berasaskan tahun sebelum (TBTS) kepada sistem taksiran tahun semasa (STTS) mulai tahun taksiran 2000. Di samping itu, sistem taksiran formal ditukar kepada sistem taksir sendiri (STS) bagi syarikat mulai tahun taksiran 2001. Asas TBTS di bawah sistem taksiran formal bagi syarikat petroleum huluhan diteruskan apabila syarikat lain yang tertakluk kepada ACP bertukar kepada asas STTS dan STS.
- 1.2 Sebagai langkah untuk menyeragamkan sistem percukaian negara, kerajaan telah mengumumkan dalam Bajet 2010 bahawa asas taksiran bagi syarikat petroleum huluhan yang tertakluk kepada APCP ditukar serentak kepada asas STTS dan STS mulai tahun taksiran 2010. Perubahan ini juga akan memastikan aliran tunai kerajaan menggambarkan prestasi ekonomi semasa.

2. Tujuan

Tujuan garis panduan ini adalah untuk menerangkan pindaan kepada APCP seperti yang diumumkan dalam Bajet 2010 berhubung dengan:

- (a) perubahan dalam asas taksiran daripada TBTS kepada STTS;
- (b) perubahan daripada sistem taksiran formal kepada STS;
- (c) bayaran cukai pendapatan petroleum; dan
- (d) peruntukan peralihan mulai tahun taksiran 2010 berkaitan dengan tempoh asas yang berakhir dalam tahun 2010 dan tahun taksiran seterusnya.

3. Peruntukan berkaitan

Peruntukan APCP yang berkaitan dengan garis panduan ini adalah subseksyen 5(1), 5(3), seksyen 30, 30A, 30B, 34A, 38, 39A, 40, 40A, 48, 49A, 51, 58, 69 dan 82A.

LEMBAGA HASIL DALAM NEGERI MALAYSIA

4. Perubahan dalam asas taksiran dan sistem taksiran

- 4.1 Mulai tahun taksiran 2010, asas taksiran dan sistem taksiran syarikat petroleum huluhan ditukar:
 - 4.1.1 daripada TBTS kepada STTS; dan
 - 4.1.2 daripada sistem taksiran formal kepada STS.
- 4.2 Perubahan dalam asas taksiran mengakibatkan suatu peralihan dalam tahun 2010 di mana akan terdapat dua tahun taksiran, iaitu:
 - 4.2.1 tahun taksiran 2010 bagi tempoh asas yang berakhir dalam tahun 2009 (TBTS); dan
 - 4.2.2 tahun taksiran 2010 bagi tempoh asas yang berakhir dalam tahun 2010 (STTS).

Kedua-dua tahun taksiran di atas adalah dianggap dua tahun taksiran yang berasingan.

5. Tempoh asas – Seksyen 5

- 5.1 Sebelum pindaan kepada seksyen 5 APCP tempoh perakaunan yang berakhir pada mana-mana tarikh dalam tahun sebelum suatu tahun taksiran adalah merupakan tempoh asas orang yang boleh dikenakan cukai (OBD) bagi tahun taksiran berkenaan.
- 5.2 Mulai tahun taksiran 2010 (STTS), tempoh perakaunan berakhir pada sebarang tarikh dalam suatu tahun taksiran adalah tempoh asas bagi tahun taksiran tersebut. Dengan itu pendapatan orang yang boleh dikenakan cukai (OBD) yang diperolehi dalam tempoh asas untuk suatu tahun taksiran akan ditaksir sebagai pendapatan bagi tahun taksiran itu.

Contoh 1:

CCP Ltd / PBB Exp. Co / PCSB, (OBD) sebuah syarikat usahasama telah memeterai satu perjanjian petroleum dengan PETRONAS pada 30.1.2007. OBD mula menjalankan operasi petroleum pada 30.3.2007 dalam kawasan yang dinamakan Blok PM 500 dan jualan pertama petroleum adalah pada 1.1.2009.

Tempoh perakaunan OBD untuk tahun taksiran 2010 hingga 2011 adalah seperti berikut:

LEMBAGA HASIL DALAM NEGERI MALAYSIA

<i>Tahun Taksiran</i>	<i>Tempoh perakaunan</i>
2010 (TBTS)	1.1.2009 – 31.12.2009
2010 (STTS)	1.1.2010 - 31.12.2010
2011 (STTS)	1.1.2011 - 30.12.2011

Semasa tempoh peralihan pada tahun 2010, terdapat 2 tahun taksiran 2010 bagi OBD, iaitu:

- (i) Di bawah asas TBTS, tempoh asas untuk tahun taksiran 2010 adalah tempoh perakaunan yang berakhir pada 31.12.2009. Oleh itu pendapatan yang diterima dari 1.1.2009 hingga 31.12.2009 akan ditaksir sebagai pendapatan bagi tahun taksiran 2010 (TBTS).
- (ii) Di bawah asas STTS, tempoh asas untuk tahun taksiran 2010 adalah tempoh perakaunan yang berakhir pada 31.12.2010. Oleh itu pendapatan 1.1.2010 hingga 31.12.2010 akan ditaksir sebagai pendapatan untuk tahun taksiran 2010 (STTS).

5.3 Sekiranya OBD gagal menyediakan akaun bagi tempoh perakaunan yang berakhir pada tarikh yang sama pada tahun yang berikutan suatu tahun taksiran, Ketua Pengarah Hasil Dalam Negeri Malaysia (KPHDNM) akan mengarahkan:

5.3.1 tempoh asas bagi tahun taksiran di mana kegagalan berlaku; atau

5.3.2 tempoh asas bagi 2 tahun taksiran berikutan.

Contoh 2:

Fakta adalah sama seperti di Contoh 1. Oleh kerana tempoh perakaunan bagi setiap ahli kongsi dalam usahasama berakhir pada 30 September, CCP Ltd / PBB Exp. Co / PCSB membuat permohonan kepada KPHDNM untuk menukar tempoh perakaunan kepada tahun berakhir 30 September mulai tahun taksiran 2011. CCP Ltd / PBB Exp. Co / PCSB mengemukakan akaun yang berikut:

Tahun Taksiran	Tempoh Perakaunan	Bilangan Bulan
2010 (STTS)	1.1.2010 - 31.12.2010	12
2011 (tahun gagal)	1.1.2011 - 30.9.2011	9
2012 (STTS)	1.10.2011 – 30.9.2012	12

LEMBAGA HASIL DALAM NEGERI MALAYSIA

Oleh sebab akaun yang dikemukakan untuk tahun taksiran 2011 adalah bagi tahun berakhir 30.9.2011 dan bukan bagi tempoh perakaunan yang berakhir pada hari yang bersamaan (31 Disember) pada tahun 2010, KPHDNM akan mengarahkan tempoh asas untuk tahun taksiran 2011 seperti berikut:

1.1.2011 – 31.12.2011

6. Sistem Taksir Sendiri

6.1 Di bawah sistem taksiran formal, OBD dikehendaki melaporkan pendapatan di dalam Borang Nyata Cukai Pendapatan (BNCP) dan mengembalikan BNCP tersebut ke LHDNM dan LHDNM akan membuat taksiran. Notis Taksiran akan dihantar kepada OBD dan OBD akan membayar cukainya. Walau bagaimanapun bagi memudahkan OBD menjelaskan tanggungan cukai, KPHDNM boleh membenarkan OBD membuat bayaran secara ansuran.

6.2 Di bawah STS, OBD masih perlu mengemukakan BNCP dalam tempoh yang ditetapkan. Walau bagaimanapun, notis taksiran tidak akan dikeluarkan kepada OBD. Sebaliknya OBD dikehendaki mengira cukai mereka dalam BNCP dan menjelaskan cukai sepenuhnya pada atau sebelum tarikh akhir pengemukaan BNCP. OBD juga dikehendaki membuat anggaran cukai yang kena dibayar untuk tahun semasa dan membuat bayaran ansuran bulanan dalam tahun berkenaan berdasarkan anggaran yang dibuat.

7. Anggaran cukai kena bayar – Seksyen 49A

7.1 Menentukan anggaran cukai

OBD yang menjalankan aktiviti pengeluaran minyak dan gas asli dikehendaki membuat anggaran cukai kena dibayar untuk suatu tahun taksiran tidak kurang daripada 85% amaun anggaran cukai dipinda atau anggaran cukai asal bagi tahun taksiran sebelumnya.

Contoh 3:

CB Ltd / SS Exp. Co / PCSB mengemukakan anggaran cukai tahun taksiran 2011 sebanyak RM800,000. Pada bulan ke 6 syarikat telah meminda anggaran cukai kepada RM1,000,000.

CB Ltd / SS Exp. Co / PCSB hendaklah mengemukakan anggaran cukai bagi tahun taksiran 2012 sekurang-kurangnya RM850,000, iaitu 85% daripada anggaran cukai dipinda pada tahun taksiran 2011.

LEMBAGA HASIL DALAM NEGERI MALAYSIA

7.2 Mengemukakan anggaran cukai

7.2.1 OBD dikehendaki mengemukakan anggaran cukai kena dibayar untuk sesuatu tahun taksiran kepada KPHDNM. Anggaran cukai hendaklah dikemukakan dengan mengisi borang yang ditetapkan (CP 250). Butir-butir berikut diperlukan untuk tujuan anggaran cukai:

- Nama dan alamat OBD;
- Nombor rujukan cukai pendapatan;
- Nombor pendaftaran perniagaan;
- Pengesahan sama ada anggaran asal atau anggaran dipinda;
- Tempoh perakaunan;
- Tarikh permulaan pengendalian syarikat (bagi OBD baru);
- Tahun taksiran berkaitan;
- Anggaran cukai kena dibayar untuk tahun taksiran berkaitan.

7.2.2 OBD dikehendaki mengemukakan anggaran cukai kena dibayar untuk suatu tahun taksiran tidak lewat dari 30 hari sebelum bermulanya tempoh asas untuk tahun taksiran tersebut.

Contoh 4:

Tempoh asas Tonako Exp Co / PCSB untuk tahun taksiran 2011 adalah 1.1.2011 sehingga 31.12.2011.

Tonako Exp Co / PCSB hendaklah mengemukakan borang CP 250 selewat-lewatnya pada 1.12.2010.

7.2.3 OBD yang baru memulakan aktiviti pengeluaran petroleum yang mempunyai tempoh asas pertama untuk suatu tahun taksiran tidak kurang dari enam bulan, hendaklah mengemukakan anggaran cukai bagi tahun taksiran tersebut dalam tempoh tiga bulan bermula tempoh asas tersebut.

Contoh 5:

JD Ltd / Ton Exp Co / PCSB, syarikat usahasama memulakan operasi petroleum pada 1.3.2011 dan menyediakan akaun pertamanya sehingga 31.12.2011.

LEMBAGA HASIL DALAM NEGERI MALAYSIA

JD Ltd / Ton Exp Co / PCSB hendaklah mengemukakan borang CP250 selewat-lewatnya pada 31.5.2011 (3 bulan dari tarikh bermulanya tempoh asas).

7.3 Pindaan Anggaran Cukai

- 7.3.1 Anggaran cukai kena dibayar boleh dipinda dalam bulan ke-6 atau ke-9 atau kedua-duanya dalam tempoh asas untuk suatu tahun taksiran dengan menggunakan borang CP251.

Contoh 6:

Tempoh asas Perkongsian Eko Oil Co Ltd / PCSB untuk tahun taksiran 2011 adalah 1.1.2011 hingga 31.12.2011. Perkongsian Eko Oil Co Ltd / PCSB mengemukakan anggaran cukai kena dibayar pada 1.12.2010.

Perkongsian Eko Oil Co Ltd / PCSB boleh membuat pindaan anggaran cukai pada Jun dan September 2011.

- 7.3.2 Sekiranya OBD gagal mengemukakan anggaran cukai kena dibayar dalam tempoh yang ditetapkan, OBD tersebut tidak layak membuat pindaan pada bulan ke-6 atau ke-9 atau kedua-duanya.

7.4 Kegagalan mengemukakan anggaran cukai

- 7.4.1 Sekiranya OBD gagal mengemukakan anggaran cukai dalam tempoh ditetapkan, KPHDNM boleh mengarahkan OBD membuat bayaran cukai untuk suatu tahun taksiran secara ansuran melalui notis bayaran ansuran (CP252).

- 7.4.2 Jika notis bayaran ansuran dikeluarkan oleh KPHDNM sebelum bulan ke-6 tempoh asas untuk suatu tahun taksiran, jumlah ansuran tersebut akan disifatkan sebagai anggaran cukai yang kena dibayar oleh OBD untuk tahun taksiran tersebut.

- 7.4.3 OBD boleh mengemukakan pindaan ke atas anggaran cukai kena dibayar yang dikeluarkan oleh KPHDNM dalam bulan ke-6 atau ke-9 atau ke-11 tempoh asas untuk suatu tahun taksiran dan membuat pelarasan amaun ansuran akan dibayar mengikut baki ansuran yang tinggal.

- 7.4.4 Jika OBD:

- gagal mengemukakan anggaran cukai; dan

LEMBAGA HASIL DALAM NEGERI MALAYSIA

- KPHDNM tidak mengeluarkan notis bayaran ansuran kepada OBD; dan
- KPHDNM tidak mengambil tindakan pendakwaan ke atas kegagalan mengemukakan anggaran cukai itu;

tetapi OBD sebenarnya layak dikenakan cukai, maka kenaikan 10% daripada cukai kena dibayar akan dikenakan. Sekiranya jumlah cukai dan kenaikan dibayar oleh OBD, tindakan pendakwaan tidak boleh dikenakan terhadap OBD atas kesalahan yang sama.

Contoh 7:

OBD tidak mengemukakan anggaran cukai (CP250) dan KPHDNM tidak mengeluarkan notis bayaran ansuran (CP252) kepada OBD. Setelah mengemukakan BNCP, cukai kena dibayar oleh OBD untuk tahun taksiran 2012 adalah RM2,500,000.

Jumlah cukai dan kenaikan 10% yang perlu dibayar kepada LHDNM adalah:

$$\begin{aligned} &= \text{RM}2,500,000 + (\text{RM}2,500,000 \times 10\%) \\ &= \text{RM}2,500,000 + \text{RM}250,000 \\ &= \text{RM}2,750,000 \end{aligned}$$

8. Bayaran Ansuran

- 8.1 OBD yang telah beroperasi (sedia ada), hendaklah membayar amaun anggaran cukai kena dibayar untuk suatu tahun taksiran dalam 10 ansuran bulanan yang sama rata selewat-lewatnya pada hari ke-10 bulan berkenaan.
- 8.2 Bayaran ansuran boleh bermula dalam bulan kedua tempoh asas untuk suatu tahun taksiran dan diselesaikan sebelum bulan kedua tempoh asas tahun taksiran berikut. OBD hendaklah menetapkan jadual bayaran 10 ansuran bulanan yang dipilih dalam tempoh 12 bulan dalam borang anggaran cukai kena dibayar (CP 250) yang dikemukakan.

Contoh 8:

Tempoh asas bagi OBD untuk tahun taksiran 2011 adalah 1.1.2011 hingga 31.12.2011 dan anggaran cukai kena dibayar adalah RM7,600,000.

LEMBAGA HASIL DALAM NEGERI MALAYSIA

Amaun bayaran ansuran bulanan adalah:

$$RM7,600,000/10 = RM760,000$$

Bayaran ansuran pertama boleh dibuat pada 10.2.2011 dan bayaran ansuran terakhir adalah pada 10.1.2012 (Jadual bayaran 10 ansuran yang ditetapkan oleh OBD dalam CP250).

- 8.3 Bagi OBD yang baru, bilangan ansuran dibenarkan bergantung kepada bilangan bulan dalam tempoh asas untuk suatu tahun taksiran dan perlu dibayar bermula dari bulan ke-6 tempoh asas untuk suatu tahun taksiran tersebut.
- 8.4 Sekiranya OBD meminda anggaran cukai kena dibayar, yang mana amaunnya melebihi bayaran yang telah dibuat, baki cukai yang belum dibayar hendaklah dijelaskan dalam ansuran sama rata bagi baki ansuran yang ada.

Contoh 9:

Fakta yang sama seperti Contoh 8 tetapi OBD mengemukakan kepada LHDNM anggaran cukai yang dipinda pada 20.6.2011. Anggaran cukai yang dipinda ialah RM10,000,000.

Pengiraan baki amaun ansuran yang dipinda adalah seperti berikut:

	RM
Anggaran cukai yang dipinda	10,000,000
Ansuran bulan Februari – Jun 2011 (760,000 x 5)	<u>3,800,000</u>
Perbezaan	<u>6,200,000</u>

Amaun ansuran bulanan dipinda yang perlu dibayar mulai Julai 2011 ialah $RM6,200,000/5 = RM1,240,000$.

Jika OBD mengemukakan kepada LHDNM anggaran cukai yang dipinda pada bila-bila masa dari 1 hingga 10 Jun 2011, pengiraan amaun baki ansuran yang dipinda adalah seperti berikut:

	RM
Anggaran cukai yang dipinda	10,000,000
Ansuran bulan Februari – Mei 2011 (7,600,000 x 4)	<u>3,040,000</u>
Perbezaan	<u>6,960,000</u>

LEMBAGA HASIL DALAM NEGERI MALAYSIA

Amaun ansuran bulanan dipinda yang perlu dibayar mulai Jun 2011 ialah $RM6,960,000/6 = RM1,160,000$.

8.5 Jika bayaran ansuran yang telah dibuat dalam sesuatu tahun taksiran melebihi anggaran cukai dipinda, OBD boleh memberhentikan bayaran ansuran berkenaan.

8.6 Kenaikan di bawah skim ansuran

(a) Sekiranya OBD gagal membuat bayaran ansuran bulanan dalam tempoh ditetapkan, bayaran ansuran bulanan yang tidak dibayar akan dinaikkan sebanyak 10% tanpa sebarang notis dikeluarkan.

Contoh 10:

Fakta adalah seperti di contoh 8 tetapi OBD tidak membuat bayaran ansuran pertama pada 10.2.1011.

Ansuran bulanan RM760,000 akan dinaikkan sebanyak 10%. Amaun kenaikan adalah RM76,000 ($RM760,000 \times 10\%$)

(b) Sekiranya perbezaan di antara cukai sebenar kena dibayar dengan anggaran cukai dipinda atau anggaran cukai (jika tiada anggaran cukai dipinda dikemukakan) melebihi 30% daripada cukai sebenar, kenaikan 10% dikenakan ke atas perbezaan tersebut tanpa sebarang notis dikeluarkan.

Pengiraan amaun cukai yang dinaikkan adalah seperti berikut:

$$\text{Kenaikan cukai} = [(AT-ET) - (30\% \times AT)] \times 10\%$$

Di mana:

AT: Cukai sebenar yang kena dibayar

ET: Anggaran cukai dipinda atau anggaran cukai (jika tiada anggaran cukai dipinda dikemukakan).

Contoh 11:

Anggaran cukai kena dibayar dan cukai sebenar kena dibayar oleh OBD untuk tahun taksiran 2011 hingga 2013 adalah seperti berikut:

LEMBAGA HASIL DALAM NEGERI MALAYSIA

Tahun Taksiran	Anggaran cukai kena dibayar (RM)	Cukai sebenar kena dibayar (RM)	Perbezaan di antara anggaran dan cukai sebenar (RM)	30% x cukai sebenar kena dibayar (RM)
2011	5,000,000	6,000,000	1,000,000	1,800,000
2012	500,000	2,400,000	1,900,000	720,000
2013	7,000,000	9,000,000	2,000,000	2,700,000

OBD akan dikenakan kenaikan cukai kerana mengemukakan anggaran yang rendah untuk tahun taksiran 2012. Perbezaan antara cukai sebenar kena dibayar dengan anggaran cukai kena dibayar iaitu RM1,900,000 melebihi 30% daripada cukai sebenar kena dibayar (RM720,000).

Pengiraan kenaikan cukai adalah seperti berikut:

Cukai sebenar kena dibayar : RM2,400,000

Anggaran cukai kena dibayar: RM500,000

Amaun cukai yang dinaikkan:

$$= [(2,400,000 - 500,000) - (30\% \times 2,400,000)] \times 10\%$$

$$= [1,900,000 - 720,000] \times 10\%$$

$$= 1,180,000 \times 10\% = \text{RM } 118,000$$

8.7 Bayaran baki cukai

- 8.7.1 Apabila cukai sebenar untuk sesuatu tahun taksiran telah ditentukan, baki cukai kena dibayar iaitu cukai sebenar setelah ditolak bayaran ansuran (jika ada) hendaklah dibayar selewat-lewatnya pada hari terakhir bulan ke-7 selepas tarikh penutupan tempoh perakaunan.

Contoh 12:

Tempoh asas bagi OBD untuk tahun taksiran 2011 ialah 1.1.2011 hingga 31.12.2011. Cukai kena dibayar adalah RM1,200,000 dan ansuran telah dibayar adalah RM1,000,000.

Baki cukai kena dibayar untuk tahun taksiran 2011 berjumlah RM200,000 perlu dibayar selewat-lewatnya pada 31 Julai 2012.

LEMBAGA HASIL DALAM NEGERI MALAYSIA

8.7.2 Jika baki cukai sebenar tidak dibayar dalam tempoh yang ditetapkan, kenaikan 10% dikenakan ke atas amaun yang tidak dibayar tanpa sebarang notis dikeluarkan.

9. **Anggaran dan Ansuran Tahun Taksiran 2010 (STTS) dan Tahun Taksiran 2011**

- 9.1 OBD tidak perlu mengemukakan anggaran cukai kena dibayar untuk tahun taksiran 2010 (STTS). Walau bagaimanapun, KPHDNM boleh mengeluarkan arahan kepada OBD untuk membuat bayaran ansuran berkaitan dengan cukai untuk tahun taksiran 2010 (STTS) pada masa dan dalam jumlah seperti yang diarahkan.
- 9.2 Untuk tahun taksiran 2011, OBD dikehendaki mengemukakan anggaran cukai kena dibayar tidak kurang daripada 85% daripada amaun cukai kena dibayar untuk tahun taksiran 2010 (TBTS) atau cukai kena dibayar untuk tahun taksiran 2009 jika cukai kena bayar untuk tahun taksiran 2010 (TBTS) belum ditentukan lagi.
- 9.3 Kesan daripada terdapatnya dua tahun taksiran, iaitu tahun taksiran 2010 (TBTS) dan tahun taksiran 2010 (STTS), OBD perlu membayar cukai untuk kedua-dua tahun taksiran dalam tempoh satu tahun. Oleh itu KPHDNM boleh mengeluarkan arahan untuk OBD menjelaskan cukai untuk tahun taksiran 2010 (STTS) dalam tempoh 5 tahun (2010 hingga 2014). Ansuran bayaran yang dibuat adalah mengikut tempoh perakaunan OBD.

Jika OBD mempunyai tempoh perakaunan berakhir 31 Mac setiap tahun, jadual bayaran ansuran adalah seperti berikut:

Tempoh Perakaunan	Tahun Taksiran	Jadual Bayaran Ansuran
1.4.2008 – 31.3.2009	2010 (TBTS)	Mei 2009 - Ogos 2009
1.4.2009 – 31.3.2010	2010 (STTS)	Mei 2010 - April 2011 (STS - Bayaran bermula bulan kedua) <u>Arahan KPHDNM</u> Februari 2010 – Januari 2014 (5 tahun)
1.4.2010 - 31.3.2011	2011 (STTS)	Mei 2010 - April 2011 (10 ansuran)
1.4.2011 – 1.3.2012	2012 (STTS)	Mei 2011 - April 2012 (10 ansuran)

LEMBAGA HASIL DALAM NEGERI MALAYSIA

Jadual bayaran ansuran yang perlu dijelaskan oleh OBD yang mempunyai tempoh perakaunan berakhir 31 Disember setiap tahun.

Tempoh Perakaunan	Tahun Taksiran	Jadual Bayaran Ansuran
1.1.2008 – 31.12.2008	2009 (TBTS)	Mei 2009 - Ogos 2009
1.1.2009 – 31.12.2009	2010 (TBTS)	Mei 2010 - Ogos 2010 (4 ansuran) <u>Arahan KPHDNM</u> Februari 2010 – Januari 2014 (5 tahun)
1.1.2010 – 31.12.2010	2010 (STTS)	Februari 2010 - Januari 2011 (10 ansuran)

10. Borang Nyata Cukai Pendapatan bagi tempoh carigali (exploration) – Seksyen 30A

10.1 OBD yang beroperasi di peringkat carigali, hendaklah mengemukakan Borang Nyata CPE (BNCPE) kepada KPHDNM bagi setiap tempoh carigali, dalam tempoh 7 bulan selepas berakhir tempoh carigali tersebut. BNCPE hendaklah mengandungi:

- jumlah perbelanjaan carigali berhubung operasi petroleum dalam tempoh tersebut; dan
- maklumat lain seperti yang diperlukan oleh KPHDNM.

BNCPE boleh dimuat turun daripada laman web di www.hasil.gov.my.

10.2 Tempoh carigali pertama adalah tempoh yang bermula dari tarikh perjanjian petroleum ditandatangani atau pada tarikh lain seperti mana yang ditentukan oleh OBD dengan kelulusan KPHDNM.

10.3 Setiap tempoh carigali adalah bagi tempoh 12 bulan kecuali dalam keadaan -

- tempoh carigali pertama; atau
- tempoh carigali terakhir

di mana tempoh carigali boleh kurang dari 12 bulan.

LEMBAGA HASIL DALAM NEGERI MALAYSIA

Contoh 13:

TP Oil / PCSB telah memeterai satu perjanjian perkongsian pengeluaran dengan PETRONAS pada 1.7.2010. Tempoh carigali adalah dari 1.7.2010 hingga 30.4.2011. TP Oil / PCSB menutup akaun pada 31 Disember setiap tahun.

BNCPE bagi tempoh carigali pertama yang kurang dari 12 bulan iaitu dari 1.7.2010 hingga 31.12.2010, hendaklah dikemukakan sebelum atau pada 31.7.2011. Bagi tempoh carigali terakhir yang juga kurang dari 12 bulan iaitu dari 1.1.2011 hingga 30.4.2011, BNCPE hendaklah dikemukakan sebelum atau pada 30.11.2011.

11. Borang Nyata Cukai Pendapatan bagi tempoh pengeluaran (production) – Seksyen 30

11.1 OBD yang beroperasi di peringkat pengeluaran hendaklah mengemukakan Borang Nyata CPP (BNCPP) kepada KPHDNM bagi tempoh asas untuk setiap tahun taksiran, dalam tempoh 7 bulan selepas berakhir tempoh asas untuk tahun taksiran tersebut. BNCPP hendaklah:

- menyatakan pendapatan yang dikenakan cukai; dan
- menyatakan amaun cukai yang kena dibayar (jika ada); dan
- mengandungi butir-butir seperti yang diperlukan oleh KPHDNM.

Contoh 14:

Tempoh perakaunan / tempoh asas PBB Ltd / SS. Exp. Co untuk tahun taksiran 2010 (TBTS) dan 2010 (STTS) adalah seperti berikut:

Tahun Taksiran	Tempoh perakaunan
2010 (TBTS)	1.1.2009 - 31.12.2009
2010 (STTS)	1.1.2010 - 31.12.2010

Tarikh akhir pengemukaan BNCPP untuk tahun taksiran 2010 (TBTS) adalah 31.7.2010 dan untuk tahun taksiran 2010 (STTS) adalah 31.7.2011.

Contoh 15:

Fakta adalah sama seperti Contoh 13. Jualan pertama petroleum oleh TP Oil / PCSB adalah pada 1.5.2011.

LEMBAGA HASIL DALAM NEGERI MALAYSIA

Selain daripada BNCPE yang perlu dikemukakan sebelum atau pada 30.11.2011, TP Oil / PCSB juga perlu mengemukakan BNCPP sebelum atau pada 31.7.2012.

- 11.2 Sekiranya OBD telah menyediakan akaun bagi tempoh perakaunan berakhir pada suatu tarikh untuk suatu tahun taksiran. Kemudian OBD itu gagal menyediakan akaun bagi tempoh perakaunan yang berakhir pada tarikh yang sama bagi tahun berikutan tahun taksiran tersebut, OBD dikehendaki mendapat kelulusan KPHDNM untuk mengemukakan BNCPP bagi tahun gagal bersama dengan tahun berikutannya.

Contoh 16:

Tempoh perakaunan PBB Ltd / S. Exp. Co untuk tahun taksiran 2010 hingga 2012 adalah seperti berikut:

Tahun Taksiran	Tempoh perakaunan
2010 (TBTS)	31.12.2009
2010 (STTS)	31.12.2010
2011 (STTS)	30. 9.2011
2012 (STTS)	30. 9.2012

Tarikh akhir pengemukaan BNCPP adalah seperti berikut:

<i>Tahun Taksiran</i>	<i>Tarikh akhir pengemukaan BNCPP</i>
<i>2010 (TBTS)</i>	<i>31.7.2010</i>
<i>2010 (STTS)</i>	<i>31.7.2011</i>
<i>2011 (STTS)¹</i>	<i>30.4.2013¹</i>
<i>2012 (STTS)</i>	<i>30.4.2013</i>

¹*Oleh kerana terdapat kegagalan menyediakan akaun bagi tempoh perakaunan yang berakhir pada 31 Disember dalam tahun 2011, PBB Ltd / S. Exp. Co perlu mendapatkan kelulusan daripada KPHDNM untuk mengemukakan BNCPP untuk tahun taksiran 2011 bersama dengan BNCPP untuk tahun taksiran 2012.*

LEMBAGA HASIL DALAM NEGERI MALAYSIA

- 11.3 Permohonan bertulis bagi mengemukakan BNCPP bagi tahun kegagalan hendaklah dikemukakan kepada:

Ketua Pengarah
Lembaga Hasil Dalam Negeri
Jabatan Cukai Korporat
Bahagian Petroleum
Blok 11, Tingkat 9
Kompleks Bangunan Kerajaan
Jalan Duta
Karung Berkunci 11035
50990 Kuala Lumpur
Nombor telefon: 603 62092300
Nombor faks: 603 62013701

12. Taksiran Disifatkan – Seksyen 38

- 12.1 Apabila OBD mengemukakan BNCPP untuk suatu tahun taksiran:
- (i) KPHDNM disifatkan telah membuat taksiran ke atas OBD berkenaan pada tarikh BNCPP disampaikan (furnished); dan
 - (ii) BNCPP yang dikemukakan dalam tempoh yang ditetapkan itu disifatkan sebagai notis taksiran; dan
 - (iii) notis taksiran dianggap telah diserahkan kepada OBD pada tarikh KPHDNM disifatkan telah membuat taksiran tersebut.
- 12.2 Sekiranya OBD gagal mengemukakan BNCPP untuk suatu tahun taksiran dalam tempoh yang ditetapkan, taksiran anggaran akan dikeluarkan berdasarkan kepada budi bicara KPHDNM.

Contoh 17:

RS Oil Ltd / TT Exp. Co. menutup akaun pada 31 Mac setiap tahun dan mengemukakan BNCPP untuk tahun taksiran 2010 (STTS) pada 30.10.2010.

KPHDNM dianggap telah membangkitkan taksiran berasaskan kepada amaun dalam BNCPP pada tarikh borang itu dikemukakan. BNCPP tersebut dianggap sebagai notis taksiran dan notis taksiran dianggap telah dikeluarkan kepada OBD pada 30.10.2010.

LEMBAGA HASIL DALAM NEGERI MALAYSIA

13. **Borang Nyata Terpinda (BNT) - Seksyen 30B**

- 13.1 OBD yang telah mengemukakan BNCPP dalam tempoh yang ditetapkan dibenarkan membuat pindaan taksiran sendiri di dalam BNT berkaitan dengan amaun cukai atau cukai tambahan OBD atas pendapatan yang boleh dikenakan cukai.
- 13.2 Pindaan taksiran sendiri boleh dibuat dalam tempoh 6 bulan selepas tarikh akhir pengemukaan BNCPP.

Contoh 18:

Fakta adalah sama seperti di Contoh 17, dan RS Oil Ltd / TT Exp. Co membuat pindaan taksiran sendiri kerana pendapatan bagi tahun taksiran 2010 (STTS) terkurang lapor.

RS Oil Ltd / TT Exp. Co perlu membuat pindaan taksiran sendiri dan mengemukakan BNT sebelum atau pada 30.4.2011 (dalam tempoh 6 bulan selepas tarikh akhir pengemukaan BNCPP pada 30.10.2010)

- 13.3 BNT hendaklah:
- (i) menyatakan amaun cukai atau amaun cukai tambahan kena dibayar atas pendapatan yang boleh dikenakan cukai; dan
 - (ii) menyatakan amaun kenaikan bersamaan 10% daripada amaun cukai atau cukai tambahan; dan
 - (iii) mengandungi maklumat seperti yang diperlukan oleh KPHDNM.
- 13.4 Pindaan taksiran sendiri hanya dibenarkan dilakukan sekali sahaja untuk setiap tahun taksiran.
- 13.5 Pindaan taksiran sendiri tidak boleh dibuat jika BNCPP telah dikemukakan dan KPHDNM telah mengeluarkan taksiran atau taksiran tambahan di bawah seksyen 39 APCP.
- 13.6 Sekiranya pindaan kepada BNCPP untuk suatu tahun taksiran perlu dibuat selepas tempoh 6 bulan dari tarikh akhir pengemukaan BNCPP atas sebab-sebab yang munasabah dan di luar kawalan OBD, permohonan untuk membuat pindaan hendaklah dikemukakan kepada KPHDNM bersama maklumat dan dokumentasi berkaitan. Pindaan sebegini tidak dianggap sebagai pindaan taksiran sendiri di bawah seksyen 39A APCP di mana KPHDNM akan mengeluarkan taksiran tersebut.

LEMBAGA HASIL DALAM NEGERI MALAYSIA

Di antara sebab-sebab yang boleh dipertimbangkan adalah:

- perubahan penyata Perjanjian Perkongsian Pengeluaran [*Production Sharing Contract*] (PSC restatement)

Semua perbelanjaan yang dilakukan oleh OBD adalah tertakluk kepada audit PSC oleh Petronas. Kos yang dibenarkan akan dituntut dari kos minyak/gas (cost oil/gas) yang akan meningkatkan pemilikan (entitlement) OBD.

Dalam keadaan wujudnya perbezaan di antara jumlah kos yang dituntut dengan jumlah kos yang dibenarkan dituntut semasa audit PSC dijalankan akan menyebabkan pelarasan pemilikan; atau

- harga minyak mentah dan gas asli yang dilaporkan adalah berdasarkan anggaran (provisional oil and gas price)

Jika harga jualan adalah berdasarkan harga anggaran manakala harga sebenar hanya akan ditentukan apabila perjanjian jualan ditandatangani; atau

- perubahan pendapatan kesan dari pelarasan pemilikan

Terdapat kawasan minyak/gas yang bertindih di antara dua PSC yang kendalikan oleh OBD yang berlainan. Kajian semula akan sentiasa dibuat bagi menentukan pemilikan yang tepat bagi OBD yang terlibat.

14. Taksiran disifatkan bagi Borang Nyata Terpinda - Seksyen 39A

14.1 Apabila OBD mengemukakan BNT untuk suatu tahun taksiran:

- (i) KPHDNM disifatkan telah membuat taksiran atau taksiran tambahan ke atas OBD berkenaan pada tarikh BNT disampaikan (furnished); dan
- (ii) BNT yang dikemukakan dalam tempoh yang ditetapkan itu disifatkan sebagai notis taksiran atau taksiran tambahan; dan
- (iii) notis taksiran atau taksiran tambahan dianggap telah diserahkan kepada OBD pada tarikh KPHDNM disifatkan telah membuat taksiran tersebut.

14.2 Cukai asal atau cukai tambahan yang kena dibayar berbangkit daripada pindaan taksiran sendiri adalah tertakluk kepada kenaikan 10% dan amaun adalah cukai yang kena dibayar oleh OBD.

LEMBAGA HASIL DALAM NEGERI MALAYSIA

Contoh 19:

Dixon Moby Co / Petronas Carigali Sdn Bhd (OBD) menutup akaun pada 31 Disember setiap tahun. OBD mengemukakan BNCPP tahun taksiran 2010 pada 30.6.2010 dengan cukai dikenakan berjumlah RM5,000,000. Pada 15.8.2010, OBD mengemukakan BNT bagi tahun taksiran 2010 melibatkan cukai tambahan berjumlah RM2,000,000.

Semasa mengemukakan BNT pada 15.8.2010, OBD dikehendaki membayar cukai tambahan RM2,200,000 [2,000,000 + (2,000,000 x 10%)].

15. Kegagalan mengemukakan Borang Nyata Cukai Pendapatan - Seksyen 51

- 15.1 OBD yang gagal mengemukakan BNCPP atau BNCPE tanpa sebab yang munasabah telah melakukan suatu kesalahan dan jika disabitkan kesalahan boleh dikenakan denda tidak melebihi RM5,000 atau penjara bagi tempoh tidak melebihi satu tahun atau kedua-duanya sekali.
- 15.2 Sekiranya OBD didapati bersalah tidak mengemukakan BNCPP atau BNCPE, mahkamah boleh mengeluarkan arahan lanjut supaya OBD mengemukakan BNCPP atau BNCPE dalam tempoh 30 hari atau tempoh yang difikirkan sesuai oleh mahkamah, dari tarikh arahan dikeluarkan.
- 15.3 Sekiranya tindakan pendakwaan tidak dilakukan ke atas OBD yang gagal mengemukakan BNCPP, KPHDNM boleh mengenakan penalti maksimum 3 kali amaun cukai kena dibayar.
- 15.4 Sekiranya OBD yang boleh dikenakan cukai membayar penalti atau di mana penalti telah dikurangkan atau diremit di bawah seksyen 63 APCP, OBD tidak boleh didakwa atas fakta yang sama dengan kesalahan di bawah subseksyen 51(1) APCP.

16. Penyimpanan rekod - Seksyen 34A

- 16.1 OBD hendaklah menyimpan rekod lengkap perniagaan dalam tempoh 7 tahun dari berakhir sesuatu tahun di mana perbelanjaan atau pendapatan daripada operasi petroleum dikaitkan.

Contoh 20:

Syarikat Mood Oil Co. / Petronas Carigali Sdn Bhd (OBD) menjalankan aktiviti carigali minyak di persekitaran laut dalam Sabah pada 1.9.2005. Usahasama tersebut menutup akaun pada 31 Disember setiap tahun. Jualan pertama petroleum OBD adalah pada 1.12.2010 dan OBD

LEMBAGA HASIL DALAM NEGERI MALAYSIA

memilih untuk menutup akaun pada 31 Mac setiap tahun dengan kelulusan KPHDNM.

Tempoh penyimpanan rekod bagi OBD berhubung dengan operasi carigali dan pengeluaran adalah seperti berikut:

<i>Tempoh perakaunan carigali</i>	<i>Tempoh penyimpanan rekod</i>
<i>1.9.2005 - 31.12.2005 (5 bulan)</i>	<i>1.1.2006 hingga 31.12.2012 (7 tahun)</i>
<i>1.1.2006 - 31.12.2006 (12 bulan)</i>	<i>1.1.2007 hingga 31.12.2013 (7 tahun)</i>
<i>1.1.2007 - 31.12.2007 (12 bulan)</i>	<i>1.1.2008 hingga 31.12.2014 (7 tahun)</i>
<i>1.1.2008 - 31.12.2008 (12 bulan)</i>	<i>1.1.2009 hingga 31.12.2015 (7 tahun)</i>
<i>1.1.2009 - 31.12.2009 (12 bulan)</i>	<i>1.1.2010 hingga 31.12.2016 (7 tahun)</i>
<i>1.1.2010 - 31.11.2010 (11 bulan)</i>	<i>1.1.2011 hingga 31.12.2017 (7 tahun)</i>

<i>Tempoh perakaunan bagi operasi pengeluaran</i>	<i>Tempoh penyimpanan rekod</i>
<i>1.12.2010 - 31.3.2011 (4 bulan) TT 2011</i>	<i>1.1.2012 hingga 31.12.2018 (7 tahun)</i>
<i>1.4.2011 - 31.3.2012 (12 bulan) TT 2012</i>	<i>1.1.2013 hingga 31.12.2019 (7 tahun)</i>

- 16.2 OBD yang lewat mengemukakan BNCPP atau BNCPE hendaklah menyimpan rekod lengkap perniagaan dalam tempoh 7 tahun selepas berakhir tahun di mana BNCPP atau BNCPE dikemukakan.

Contoh 21:

Fakta seperti contoh 20, tetapi OBD gagal mengemukakan BNCPP untuk tahun taksiran 2012 dalam tempoh yang ditetapkan. BNCPP tahun taksiran 2012 dikemukakan pada 1.10.2013.

Tempoh penyimpanan rekod bagi OBD berhubung tahun taksiran 2012 adalah seperti berikut:

<i>Tempoh perakaunan pengeluaran</i>	<i>Tarikh BNCPP dikemukakan</i>	<i>Tempoh penyimpanan rekod</i>
<i>1.4.2011 – 31.3.2012</i>	<i>1.10.2013</i>	<i>1.1.2014 hingga 31.12.2020 (7 tahun)</i>

LEMBAGA HASIL DALAM NEGERI MALAYSIA

16.3 Menurut subseksyen 34A(3) APCP, OBD dikehendaki menyediakan:

- (a) akaun perbelanjaan beraudit untuk setiap tempoh carigali; atau
- (b) penyata kewangan beraudit bagi aktiviti pengeluaran petroleum bagi tempoh asas untuk suatu tahun taksiran.

Walau bagaimanapun sebagai konsesi, setiap OBD tidak perlu menyediakan dan mengemukakan akaun beraudit untuk sesuatu tahun taksiran. Sebaliknya syarikat induk bagi setiap ahli kongsi dikehendaki menyediakan akaun beraudit (audited consolidated accounts) yang diasingkan (segmented) mengikut setiap blok operasinya. Penyata kewangan OBD hendaklah diekstrak dari data akaun penyatuan beraudit syarikat induk yang berkaitan bagi tujuan melapor dan menaksir cukai pendapatan petroleum.

Contoh 22:

CCP Sdn Bhd / PCSB, sebuah syarikat usahasama telah memeterai satu perjanjian petroleum dengan Petronas untuk menjalankan operasi petroleum dalam kawasan dinamakan blok PM 500.

Selain daripada blok PM 500 kedua-dua syarikat petroleum itu juga mempunyai blok operasi yang lain seperti berikut:

- a) CCP Sdn Bhd – mempunyai 5 blok termasuk 4 blok yang lain.

Penyata kewangan beraudit CCP Sdn Bhd adalah seperti berikut:

Pendapatan/ Perbelanjaan	CCP Sdn Bhd beroperasi di 5 blok					JUMLAH
	Blok PM 500	Blok PM 501	Blok PM 502	Blok PM 503	Blok PM 504	
Perolehan	X ₁	X ₂	X ₃	X ₄	X ₅	X
Tolak:Kos Jualan	Z ₁	Z ₂	Z ₃	Z ₄	Z ₅	Z

- b) PCSB - mempunyai 4 blok termasuk 3 blok yang lain.

Penyata kewangan beraudit PCSB adalah seperti berikut:

LEMBAGA HASIL DALAM NEGERI MALAYSIA

Pendapatan/ Perbelanjaan	PCSB beroperasi di 4 blok				
	Blok PM 500	Blok PM 1	Blok PM 2	Blok PM 3	JUMLAH
Perolehan	a₁	a ₂	a ₃	a ₄	a
Tolak: Kos Jualan	b₁	b ₂	b ₃	b ₄	b

- c) Untuk tujuan penyediaan penyata kewangan OBD bagi Blok PM 500, OBD dibenarkan untuk mengekstrak maklumat daripada penyata kewangan beraudit setiap syarikat induk (CCP Sdn Bhd dan PCSB).

Penyata kewangan bagi OBD usahasama CCP Sdn Bhd / PCSB Blok PM 500 adalah seperti berikut:

Pendapatan/ Perbelanjaan	CCP Sdn Bhd / PCSB Blok PM 500		
	CCP Sdn Bhd	PCSB	JUMLAH
Perolehan	x ₁	a ₁	x₁ + a₁
Tolak:Kos Jualan	z ₁	b ₁	z₁ + b₁

- 16.4 Rekod boleh disimpan secara manual atau elektronik. Sekiranya rekod disimpan secara elektronik, rekod berkenaan hendaklah disimpan dalam format yang boleh dibaca, diakses dan dicetak. Dalam keadaan di mana penyimpanan rekod ditukar daripada manual kepada bentuk elektronik, rekod tersebut hendaklah dikekalkan dalam bentuk asal.
- 16.5 Semua rekod berkaitan dengan operasi petroleum di Malaysia hendaklah disimpan di Malaysia untuk memudahkan penyemakan semasa pengauditan.

LEMBAGA HASIL DALAM NEGERI MALAYSIA

17. Pengemukaan menerusi medium elektronik – Seksyen 82A

17.1 OBD atau agen cukai yang diberi kuasa secara bertulis oleh OBD boleh mengemukakan borang yang ditetapkan menerusi medium elektronik (e-Filing). OBD yang memberi kuasa kepada agen cukai hendaklah membuat pengisytiharan dalam borang yang ditetapkan bahawa:

- agen cukai diberi kuasa untuk mengemukakan borang bagi pihak OBD; dan
- maklumat yang dikemukakan kepada agen cukai adalah benar dan tepat.

17.2 Borang yang dikemukakan oleh agen cukai bagi pihak OBD hendaklah dianggap telah dikemukakan dengan kebenaran OBD dan OBD disifatkan mengetahui kandungan dalam borang tersebut.

17.3 Agen cukai yang mengemukakan borang bagi pihak OBD hendaklah membuat pengisytiharan bahawa:

- borang itu disediakan berdasarkan maklumat yang diberikan oleh OBD; dan
- agen cukai telah menerima pengisytiharan oleh OBD dalam perenggan 17.1.

17.4 OBD hendaklah menandatangani dan menyimpan salinan cetak borang yang dikemukakan.

17.5 Borang yang dikemukakan secara elektronik disifatkan telah dikemukakan oleh OBD kepada KPHDNM pada tarikh pengesahan penerimaan dijanakan secara elektronik.

18. Taksiran komposit – seksyen 40A

18.1 Sekiranya KPHDNM mendapati OBD:

- gagal mengemukakan BNCPD seperti yang dikehendaki; atau
- meninggalkan atau kurang melaporkan pendapatan; atau
- memberi maklumat yang salah berhubung dengan sebarang perkara yang melibatkan tanggungan cukainya

untuk suatu atau beberapa tahun taksiran, KPHDNM boleh membuat siasatan untuk mengesan pengelakan atau pelarian cukai yang dilakukan.

LEMBAGA HASIL DALAM NEGERI MALAYSIA

- 18.2 Sekiranya pengelakan atau pelarian cukai dapat dibuktikan, KPHDNM dan OBD boleh membuat perjanjian bertulis berhubung dengan pembayaran yang meliputi cukai terkurang dikenakan dan penalti yang dikenakan.
- 18.3 Di mana KPHDNM dan OBD telah membuat perjanjian bertulis KPHDNM boleh membangkitkan taksiran komposit berkaitan dengan jumlah amaun cukai dan penalti tersebut.
- 18.4 Taksiran komposit yang dikeluarkan sebagai taksiran yang muktamad dan konklusif dan tiada rayuan boleh dibuat terhadap taksiran komposit tersebut.

19. Bayaran cukai oleh OBD – Seksyen 48

- 19.1 Cukai kena dibayar untuk suatu tahun taksiran hendaklah dibayar selewat-lewatnya hari terakhir bulan ketujuh selepas berakhir tempoh perakaunan walaupun OBD merayu terhadap taksiran tersebut.
- 19.2 Cukai kena dibayar berdasarkan taksiran anggaran di bawah subseksyen 38(3) APCP, taksiran atau taksiran tambahan di bawah seksyen 39 APCP, taksiran komposit di bawah seksyen 40A APCP atau taksiran dinaikkan di bawah subseksyen 45(2) APCP hendaklah dibayar dalam tempoh 30 hari selepas notis taksiran diserahkan walaupun OBD merayu terhadap taksiran tersebut.
- 19.3 Cukai atau cukai tambahan kena dibayar berdasarkan BNT hendaklah dibayar pada tarikh BNT dikemukakan walaupun OBD merayu terhadap taksiran tersebut.
- 19.4 Cukai yang tidak dibayar dalam tempoh yang ditetapkan akan dinaikkan sebanyak 10% daripada jumlah cukai yang tidak dibayar itu tanpa sebarang notis dikeluarkan.
- 19.5 KPHDNM boleh membenarkan cukai kena dibayar berdasarkan taksiran anggaran di bawah subseksyen 38(3) APCP, taksiran atau taksiran tambahan di bawah seksyen 39 APCP, taksiran komposit di bawah seksyen 40A APCP atau taksiran dinaikkan di bawah subseksyen 45(2) APCP dibayar secara ansuran.
- 19.6 Jika OBD gagal membuat bayaran salah satu daripada ansuran cukai pada tarikh ditetapkan, baki amaun cukai yang tidak dibayar hendaklah dibayar pada tarikh yang ditetapkan tersebut dan akan dinaikkan sebanyak 10% daripada baki cukai yang tidak dibayar itu tanpa sebarang notis dikeluarkan.

LEMBAGA HASIL DALAM NEGERI MALAYSIA

- 19.7 Jika terdapat alasan munasabah, KPHDNM boleh meremitkan sebarang kenaikan yang telah dikenakan dan hendaklah membuat bayaran balik jika amaun yang diremitkan telah dibayar oleh OBD.

**LEMBAGA HASIL DALAM NEGERI MALAYSIA
3 JUN 2010**